



## ASN Imbang 3 Global

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023



**NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT**

**Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,**

***PENERBITAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BAGI ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL, (ASN IMBANG 3 GLOBAL) BERTARIKH 1 DISEMBER 2023***

---

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus ASN Imbang 3 Global bertarikh 16 September 2020 (Prospektus), Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 (PTP) dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang 3 Global bertarikh 1 April 2023 (PTKD) telah dikemas kini melalui Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang 3 Global yang bertarikh 1 Disember 2023 (PTKT). Kemas kini yang dilakukan di dalam PTKT adalah seperti berikut:

- 1) Kemas kini definisi berkenaan "*Forward Price Funds*" dan "*Historical Price Funds*" di bawah "*Glosari Terma / Singkatan*";
- 2) Kemas kini maklumat berkenaan "*Pemegang Amanah*" dan "*Wakil Pemegang Amanah*" di bawah "*Direktori Korporat*";
- 3) Kemas kini berkenaan "*Polisi Pengagihan*" di bawah "*Informasi Tabung*";
- 4) Kemas kini berkenaan tarikh kuat kuasa bagi pengagihan dalam bentuk modal di bawah "*Polisi Pengagihan dan Pelaburan Semula*";
- 5) Kemas kini berkenaan "*Latar Belakang Pengurus - ASNB*" di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*";
- 6) Maklumat mengenai pelantikan baharu berkenaan "*Ahli Lembaga Pengarah – ASNB*" iaitu Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda sebagai Pengerusi ASNB dan Encik Faisal Ariff bin Rozali Wathooth sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "*Pengurusan dan Pentadbiran Tabung*"; dan
- 7) Kemas kini latar belakang pemegang amanah dan wakil pemegang amanah di bawah "*Pemegang Amanah*".

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PTKT ini boleh diperolehi di laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di [asnbcare@pnb.com.my](mailto:asnbcare@pnb.com.my).

## ISI KANDUNGAN

<b>1. MAKLUMAT TABUNG</b>	<b>1</b>
<b>2. PRESTASI TABUNG</b>	<b>3</b>
<b>3. LAPORAN PENGURUS</b>	<b>7</b>
<b>4. PENYATA PENGURUS</b>	<b>14</b>
<b>5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH</b>	<b>15</b>
<b>6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN IMBANG 3 GLOBAL</b>	<b>16</b>
<b>7. PENYATA KEWANGAN</b>	<b>19</b>
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	19
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	20
7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023	21
7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	22
7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023	23
7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2023	24
<b>8. ALAMAT CAWANGAN ASNB</b>	<b>55</b>
<b>9. MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>57</b>

**LAPORAN PENGURUS  
ASN IMBANG (MIXED ASSET BLANCED) 3 GLOBAL  
(ASN IMBANG 3 GLOBAL)**



**ASN Imbang 3 Global**

Pemegang-pemegang unit ASN Imbang 3 Global yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASN) selaku Pengurus ASN Imbang 3 Global dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASN Imbang 3 Global bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

## 1. MAKLUMAT TABUNG

### 1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Imbang 3 Global	Aset Campuran Imbang	Pertumbuhan dan Pendapatan

### 1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Imbang 3 Global adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan kepada pemegang-pemegang unit melalui pelaburan portfolio yang seimbang.

### 1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Imbang 3 Global menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks MSCI ACWI Islamic dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	%
MSCI ACWI Islamic Sumber: <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a>	50
Maybank 12 bulan Sumber: <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>	50

*"Source: MSCI. The MSCI information may only be used for your internal use, may not be reproduced or disseminated in any form and may not be used as a basis for or a component of any financial instruments or products or indices. None of the MSCI information is intended to constitute investment advice or a recommendation to make (or refrain from making) any kind of investment decision and may not be relied on as such. Historical data and analysis should not be taken as an indication or guarantee of any future performance analysis, forecast or*

prediction. The MSCI information is provided on an "as is" basis and the user of this information assumes the entire risk of any use made of this information. MSCI, each of its affiliates and each other person involved in or related to compiling, computing or creating any MSCI information (collectively, the "MSCI Parties") expressly disclaims all warranties (including, without limitation, any warranties of originality, accuracy, completeness, timeliness, non-infringement, merchantability and fitness for a particular purpose) with respect to this information. Without limiting any of the foregoing, in no event shall any MSCI Party have any liability for any direct, indirect, special, incidental, punitive, consequential (including, without limitation, lost profits) or any other damages. (www.msci.com)".

#### 1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Imbang 3 Global akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

#### 1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2023, seramai 33,788 individu telah menyertai ASN Imbang 3 Global. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	13,182	39.02	11,045,976.91	1.06
5,001 hingga 10,000	4,299	12.73	34,207,202.36	3.28
10,001 hingga 50,000	11,557	34.20	289,416,198.22	27.78
50,001 hingga 500,000	4,610	13.64	549,034,876.58	52.70
500,001 dan ke atas	140	0.41	158,171,658.90	15.18
<b>JUMLAH</b>	<b>33,788</b>	<b>100.00</b>	<b>1,041,875,912.97</b>	<b>100.00</b>

## 2. PRESTASI TABUNG

### 2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset Bagi ASN Imbang 3 Global Mengikuti Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2023	2022	2021
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>			
Perkhidmatan Komunikasi	2.63	3.86	4.38
Barangan Bukan Asasi Pengguna	4.81	5.01	9.39
Barangan Asasi Pengguna	0.84	8.07	6.01
Tenaga	1.81	0.93	2.41
Kewangan	0.33	-	-
Penjagaan Kesihatan	3.22	3.49	3.56
Perindustrian	1.80	2.98	6.47
Teknologi Maklumat	21.92	10.42	20.59
Bahan Asas	1.81	1.12	1.50
Hartanah	-	0.95	0.52
Utiliti	0.48	-	0.35
<b>Jumlah</b>	<b>39.65</b>	<b>36.83</b>	<b>55.18</b>
<b>Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:</b>			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	13.49	9.29	7.42
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	38.95	42.95	14.84
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	7.91	10.93	22.56
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## 2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Prestasi Maklumat Kewangan:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2023	2022	2021
<b>Sebelum Pengagihan Pendapatan</b>			
NAB (RM'000)	1,061,203	1,362,636	1,422,196
NAB Seunit (RM)	1.0177	0.9014	1.0304
<b>Selepas Pengagihan Pendapatan</b>			
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	0.51	0.45	1.25
NAB (RM'000)	1,055,885	1,355,833	1,404,943
NAB Seunit (RM)	1.0126	0.8969	1.0179
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8969	0.8838	1.0150
NAB Seunit Tertinggi (RM)	1.0234	1.0244	1.0674
Unit Dalam Edaran ('000)	1,042,700	1,511,700	1,380,200
Tarikh Pengagihan Pendapatan	3 Januari 2024	3 Januari 2023	3 Januari 2022
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>1</sup>	1.50	1.50	2.11
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>2</sup>	2.72	2.44	2.09
<b>Pulangan</b>			
Pulangan Pendapatan (%) <sup>3</sup>	0.50	0.50	1.23
Pulangan Modal (%) <sup>4</sup>	12.90	-11.89	1.79
Jumlah Pulangan (%) <sup>5</sup>	13.47	-11.45	3.04

**Nota:**

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Imbang 3 Global yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Imbang 3 Global untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah tidak ketara.
3. Pulangan Pendapatan (%):  $\left[ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}} \right] \times 100$
4. Pulangan Modal (%):  $\left[ \left( \frac{\text{NAB Seunit Selepas Pengagihan Pendapatan}}{\text{NAB Seunit Awal Tahun Kewangan}} \right) - 1 \right] \times 100$
5. Jumlah Pulangan (%):  $\left[ \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} \right) \times \left( 1 + \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} \right) - 1 \right] \times 100$



### 2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, ASN Imbang 3 Global telah memperuntukkan sejumlah RM5,317,770 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 0.51 sen seunit.

### 2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Imbang 3 Global adalah seperti berikut:

	31 Disember 2023		
	1 Tahun	3 Tahun	Sejak Penubuhannya
Pulangan Tahunan (%) <sup>1</sup>	13.47	0.57	1.06
Penanda Aras (%) <sup>2</sup>	13.29	5.62	6.67

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

1. Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-  
$$= \left[ \left[ (1 + r_1) \times (1 + r_2) \times \dots \times (1 + r_n) \right]^{\frac{1}{n}} - 1 \right] \times 100$$
  
Di mana,  $r$  = pulangan tahunan;  $n$  = bilangan tahun.
2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI Islamic dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan.

### 2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS


Prestasi bagi ASN Imbang 3 Global berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2023	2022	2021
Jumlah Pulangan (%)	13.47	-11.45	3.04 <sup>1</sup>
Penanda Aras (%) <sup>2</sup>	13.29	-6.45	16.68

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

**Nota:**

1. Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula daripada 16 September 2020 (tarikh pelancaran) sehingga 31 Disember 2021.
2. Pengiraan penanda aras adalah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama, di mana, bermula 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI Islamic dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 April 2023, penanda aras Tabung ialah 50% MSCI ACWI dan 50% Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan.



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

*Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.*

## 2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Imbang 3 Global telah mencatatkan penurunan NAB sebanyak 22.12% daripada RM1.37 bilion kepada RM1.09 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. NAB seunit pula mencatatkan peningkatan sebanyak 12.91% daripada RM0.90 kepada RM1.01 bagi tempoh yang sama.

## 2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

## 2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Imbang 3 Global tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## 2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Imbang 3 Global. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

## 2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### 3. LAPORAN PENGURUS

#### 3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASN Imbang 3 Global (“Tabung”) telah berupaya mencapai objektif pelaburan iaitu menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

#### 3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan Tabung adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di bursa saham utama dunia yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Ikatan Tabung. Tabung boleh melaburkan 35% sehingga 65% daripada Nilai Aset Bersih (“NAB”) dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, Tabung boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. Pelaburan di pasaran saham antarabangsa adalah bergantung kepada keadaan pasaran sesebuah negara, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

#### 3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Tabung telah melaksanakan perumpukan aset yang aktif dalam pelaburan. Ini dilaksanakan setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi instrumen pasaran wang bagi memastikan objektif Tabung tercapai.

Purata perumpukan aset ekuiti adalah pada julat 45% - 55% berbanding penanda aras 50% ekuiti: 50% tunai. Purata perumpukan aset ini adalah berikutan keadaan risiko pasaran saham yang lebih seimbang, hasil situasi ekonomi makro sedunia yang berkembang lebih baik berbanding jangkaan kemelesetan ekonomi pada awalnya, ekoran daya tahan pasaran buruh di negara-negara utama dunia seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

##### i. Ekuiti

Pada permulaan tahun kewangan 2023, sentimen para pelabur lebih bersifat negatif ekoran jangkaan kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat dan Eropah, kesan daripada peningkatan mendadak kadar hasil sepanjang tahun 2022 oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board), bank pusat Eropah (European Central Bank) dan bank pusat England (Bank of England) dalam usaha untuk mengekang inflasi daripada terus meningkat. Namun begitu, jangkaan kemelesetan ekonomi oleh para pelabur tidak menjadi realiti apabila pasaran buruh kekal utuh sepanjang tahun 2023. Sentimen pelabur juga telah berubah positif menjelang pertengahan tahun dan tertumpu kepada 7 syarikat mega (“Magnificent 7”) yang menerajui pembangunan teknologi Kecerdasan Buatan (“Artificial Intelligence, AI”) dan juga usaha menurunkan kos operasi oleh syarikat-syarikat tersebut.

Oleh itu, pelaburan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 lebih bersifat agresif dan banyak tertumpu kepada pasaran Amerika Syarikat dan di dalam sektor Teknologi Maklumat khususnya yang berkaitan dengan teknologi AI. Pelaburan juga lebih banyak tertumpu kepada negara-negara maju (“Developed Markets”) berbanding

negara-negara membangun (“Emerging Markets”). Kebanyakan syarikat utama yang terlibat dalam pembangunan teknologi AI serta rantaian bekalan yang diperlukan untuk menyokong pembangunan teknologi ini disenaraikan di pasaran saham Amerika Syarikat. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada syarikat pembangunan perisian seperti Microsoft dan Adobe Systems serta syarikat pembuatan semikonduktor seperti NVIDIA dan Advanced Micro Systems (“AMD”). Selain itu, syarikat-syarikat perkhidmatan komunikasi dan sektor Barangan Bukan Asasi seperti Alphabet Inc (Google), Meta Platforms dan Amazon.Com Inc yang mempunyai perniagaan pusat data yang besar turut terlibat dalam rantaian AI kerana pemrosesan maklumat teknologi ini hanya boleh berlaku di platform pemkomputeran awan. Pada umumnya, para pelabur sangat positif terhadap syarikat-syarikat ini didorong oleh jangkaan yang jelas terhadap hasil pendapatan yang datang dari permintaan tambahan dan berpanjangan terhadap produk-produk dan perkhidmatan berkaitan AI.

Selain itu, pelaburan Tabung turut dilakukan dalam sektor Penjagaan Kesihatan ekoran penghasilan ubat diabetes yang telah berjaya di selaraskan semula penggunaannya untuk menguruskan berat badan yang berlebihan. Hasil pelarasan semula ubat ini dijangka membawa perubahan secara besar-besaran terhadap gaya hidup masyarakat dunia. Ini telah menyebabkan perubahan drastik terhadap dunia perubatan, terutamanya jika ubat ini diluluskan untuk penggunaan secara besar-besaran oleh negara-negara serata dunia dan ditanggung dalam polisi syarikat-syarikat insurans.

Tabung turut membuat pelaburan di India untuk mendapat manfaat daripada perubahan sentimen pelabur yang beralih daripada China kepada India ekoran prestasi ekonomi di India yang lebih pesat membangun. India dijangka akan tumbuh pesat untuk tahun-tahun yang mendatang, terutamanya apabila mendapat manfaat daripada peralihan hasil dagangan daripada China, lanjutan daripada perang dagangan serta ketegangan hubungan diplomatik antara Amerika Syarikat dan China yang dijangka akan berterusan.

Selain daripada pegangan saham-saham syarikat di seluruh dunia, Tabung turut membuat pelaburan melalui Dana Didagangkan (“Exchange-Traded Fund, ETF”), untuk mendapat pendedahan terhadap sesetengah pasaran ataupun sektor. Antara ETF yang dibeli adalah MSCI Mexico, Nasdaq 100, dan juga High Beta S&P 500 untuk mendapat pendedahan terhadap momentum dan tren pasaran terhadap pasaran dan sektor di miliki ETF terbabit.

## ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Tabung telah mempelbagaikan pelaburan melalui sekuriti berpendapatan tetap bagi menjana pulangan pelaburan yang berpatutan dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi berbanding kadar hasil simpanan tunai, dalam usaha untuk memberikan pulangan yang berdaya-saing kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Utiliti, Infrastruktur dan Hartanah yang mempunyai tempoh matang antara 3 sehingga 13 tahun. Fokus dalam pelaburan bon korporat juga tertumpu kepada terbitan hijau dan menepati ciri-ciri kelestarian (“Environmental, Social and Governance, ESG”). Sektor-sektor ini telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, selaras dengan risiko kredit terbitan.

Selain daripada itu, pelaburan turut dilakukan dalam sekuriti kerajaan Malaysia iaitu Malaysian Government Securities (“MGS”) dan Government Investment Issues (“GII”). Pelaburan dalam sekuriti kerajaan Malaysia dilakukan untuk menjana kupon dan

keuntungan modal daripada dagangan ekoran pergerakan naik turun harga yang kerap dan ketara.

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.64% dengan purata tempoh matang portfolio selama 4.65 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA2".

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran negara maju terutamanya sekuriti kerajaan Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan kedalaman pasaran yang tinggi. Selain itu, Pengurus Pelaburan turut membuat pelaburan jangka sederhana dalam negara-negara membangun, yang memberi pulangan setimpal dengan risiko yang diambil. Antara pelaburan yang di buat adalah terbitan bon hijau (USD Green Bond) oleh kerajaan Indonesia, sekuriti berpendapatan tetap Emiriah Arab Bersatu (UAE – Dubai), serta sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Indonesia dalam mata wang Rupiah yang memberikan kupon lebih tinggi dalam julat 5% - 7% dan mempunyai kadar risiko kredit "BBB" hingga "AA-" oleh Fitch.

Pelaburan Tabung juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

### 3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, persekitaran ekonomi global kekal tidak menentu disebabkan oleh kenaikan kadar dasar monetari oleh bank-bank pusat antarabangsa secara agresif untuk mengawal inflasi, krisis perbankan yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah, krisis hutang hartanah di China serta konflik yang berterusan di antara Rusia dan Ukraine. Di samping itu, kadar pertumbuhan ekonomi China yang lemah turut meningkatkan kebimbangan para pelabur tentang jangkaan pendapatan daripada syarikat-syarikat global pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang baik disokong oleh pasaran buruh yang kekal baik dan kemunculan perkhidmatan AI yang telah menarik kembali perhatian pelabur terutamanya terhadap sektor Teknologi Maklumat.

Sejajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI ACWI Islamic telah mencatatkan kenaikan sebanyak +19.7%. Indeks komposit pasaran saham di Amerika Syarikat menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana NASDAQ 100 mencatatkan kenaikan sebanyak +43.4%, diekori oleh S&P 500 yang mencatatkan kenaikan sebanyak +24.4%.

Penurunan ketara dalam tempoh tinjauan dengan prestasi terendah telah dicatat oleh Hong Kong (HSI, -13.8%). Indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN turut mendapat tempias daripada kelemahan ekonomi China dengan prestasi terendah dicatatkan oleh Thailand (SET, -15.2%), diikuti oleh Malaysia (KLCI, -2.7%) dan Singapura (-0.3%). Pasaran saham negara membangun yang kurang bergantung dagangan dengan negara China pula mencatatkan pulangan yang memberangsangkan seperti Brazil (IBOVESPA, +22.3%), India (NIFTY 50, +20.0%) dan Mexico (INMEX, +18.2%).

Sektor yang mencatatkan pulangan yang paling memberangsangkan adalah sektor Teknologi Maklumat (ACWI IT, +49.8%) dan sektor Perkhidmatan Komunikasi (ACWI Communication Services, +36.2%) yang didorong oleh sentimen positif AI. Sektor yang berkait rapat dengan kadar kasar seperti sektor Utiliti (ACWI Utilities, -2.3%) serta defensif seperti sektor Barangan Asas (ACWI, Consumer Staples, 0.26%) mencatatkan prestasi kurang baik.

Walaupun secara dasarnya pasaran saham antarabangsa nampak positif, kadar pulangan sangat tertumpu kepada dua sektor iaitu Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Komunikasi. Pasaran saham utama Amerika Syarikat, yang didorong oleh Magnificent 7 telah menghasilkan 60% daripada hasil pulangan S&P 500 di Amerika Syarikat. Jika dikeluarkan tujuh syarikat tersebut, hasil pulangan pasaran S&P 500 hanyalah +10.5%. Fenomena ini adalah unik dan agak mencabar bagi para pelabur untuk mengimbangi risiko pulangan serta mempelbagaikan pegangan dalam pelbagai sektor.

Keluaran Dalam Negara Kasar (“KDNK”) dunia untuk tahun 2023 secara amnya di jangka akan berkembang +3.0% tahun-ke-tahun oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (“International Monetary Fund, IMF”) dalam unjurannya pada Oktober 2023, lebih rendah berbanding +3.5% yang direkodkan pada tahun 2022. IMF telah beberapa kali menukar unjuran pertumbuhan ekonomi dunia ekoran daya tahan pasaran buruh Amerika Syarikat yang diluar jangkaan. Hasil pertumbuhan ekonomi dunia majoritinya disumbang oleh pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, didorong oleh struktur ekonomi Amerika yang utuh dan kurang terkesan secara langsung terhadap peningkatan kadar dasar monetari yang agresif. Pengguna di Amerika Syarikat juga masih mempunyai lebihan simpanan untuk tahun 2023, ekoran suntikan fiskal agresif yang dilakukan oleh kerajaan Amerika Syarikat sewaktu COVID-19 melanda. Situasi ini juga terus menyokong perkembangan ekonomi Amerika Syarikat yang agak baik berbanding negara-negara maju lain seperti di Eropah.

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah merosot sebanyak -4.2% untuk ditutup pada paras RM4.5940/USD pada 31 Disember 2023 berbanding RM4.4040/USD pada 31 Disember 2022. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.7943/USD pada 23 September 2023, manakala paras tertinggi adalah RM4.2430/USD pada 30 Januari 2023. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif kadar polisi utama Amerika Syarikat bagi membendung kenaikan kadar inflasi serta pemulihan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan, di mana China merupakan antara rakan dagang utama Malaysia. Oleh kerana nilai pasaran Tabung dihitung berdasarkan Ringgit Malaysia, pengukuhan nilai mata wang USD, secara langsung, telah meningkatkan Nilai Aset Bersih (“NAB”) seunit Tabung.

### **3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN**

Sepanjang tahun kewangan 31 Disember 2023, Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) telah menaikkan kadar faedah dasar sebanyak empat kali daripada 4.50% kepada 5.50%, manakala bank pusat England (Bank of England) dan bank pusat Eropah (European Central Bank) telah menaikkan kadar faedah dasar masing-masing sebanyak lima dan enam kali daripada 3.50% kepada 5.25%, dan daripada 2.50% kepada 4.50%. Sehubungan dengan itu, pasaran bon global telah terjejas dengan peningkatan hasil bon kepada paras yang tinggi, di mana paras tersebut kali terakhir telah dilihat semasa tempoh krisis kewangan pada tahun 2008-2009. Namun, menjelang penutupan tahun kewangan, pasaran bon bertukar kukuh didorong oleh tanda-tanda awal kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat dan jangkaan terhadap pemotongan kadar faedah dasar oleh Lembaga Rizab

Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) pada tahun 2024. Secara keseluruhannya, kadar hasil bon 10-tahun US Treasury yang berfungsi sebagai proksi untuk bon antarabangsa, telah meningkat kira-kira 14 mata asas daripada 3.74% kepada 3.88%, dan mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 4.00% (dalam terma US dolar).

Selari dengan bank-bank pusat dunia terutamanya Amerika Syarikat, Bank Negara Malaysia ("BNM") juga telah menaikkan kadar faedah dasar, berteraskan dasar monetari yang kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Kadar Dasar Semalaman ("Overnight Policy Rate, OPR") telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei 2023 daripada 2.75% kepada 3.00%.

Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 25 mata asas dari kadar 2.85% kepada 3.10%. Namun begitu, kadar simpanan tersebut telah dipotong sebanyak 30 mata asas pada hujung bulan Jun, daripada 3.10% kepada 2.80%. Ini adalah untuk memastikan pengurusan kos Maybank lebih optimum, selari dengan situasi ekonomi terkini.

Seiring dengan pergerakan pasaran bon Amerika Syarikat dan kenaikan OPR, kadar hasil sekuriti kerajaan Malaysia turut naik ke paras yang terakhir dilihat pada tahun 2008-2009, sebelum turun menjelang hujung tahun 2023 disebabkan oleh jangkaan terhadap pemotongan kadar faedah dasar oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) pada tahun 2024. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga telah mengekalkan terbitan sekuriti kerajaan Malaysia untuk membiayai perbelanjaan fiskal kerajaan. Secara keseluruhannya, kadar hasil MGS untuk 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 3.46%, 3.57% dan 3.73%, masing-masing menurun sebanyak 16, 27 dan 34 mata asas. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf "AA1" berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 46 sehingga 66 mata asas. Ini disebabkan oleh permintaan yang kukuh serta bekalan bon korporat yang rendah.

### **3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Pengurus Pelaburan menjangkakan pasaran saham global akan bersifat lebih berisiko, dipengaruhi oleh kemerosotan pertumbuhan ekonomi yang dijangka berlaku di negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. IMF mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 2.9% untuk tahun 2024 berbanding 3.0% pada tahun 2023, didorong oleh kesan kenaikan agresif kadar faedah oleh bank-bank pusat seluruh dunia terhadap permintaan global. Bank-bank pusat di seluruh dunia dijangka akan mula melonggarkan dasar monetari pada tahun 2024 untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi masing-masing berbanding usaha untuk hanya mengawal inflasi sejak kebelakangan ini.

Oleh yang demikian, Pengurus Pelaburan akan terus memantau perkembangan ekonomi dan pasaran semasa dengan aktif serta sentiasa melakukan pelarasan terhadap strategi pelaburan Tabung berdasarkan prestasi pasaran global dengan sewajarnya. Perumpukan aset secara keseluruhan akan ditumpukan kepada sekuriti berpendapatan tetap dan dilaksanakan secara aktif dengan menyasarkan perumpukan aset dalam ekuiti pada kadar antara 45% - 48% manakala sekuriti berpendapatan dan tunai pada kadar 52% - 55% setelah mengambil kira faktor-faktor ekonomi global serta kadar pulangan pasaran saham di seluruh dunia.

## **i. Ekuiti**

Pelaburan Tabung untuk aset ekuiti akan terus bersifat aktif bagi tahun 2024, serta tertumpu kepada tren-tren mega yang akan terus mengambil tempat di dalam ekonomi dunia. Pengurus Pelaburan turut menjangkakan US dolar akan mula mengalami susut nilai ekoran tamatnya peningkatan kadar dasar monetari di Amerika Syarikat dan kemungkinan besar bermulanya pelonggaran kadar dasar monetari oleh Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board). Oleh itu, pelaburan Tabung akan bersifat lebih seimbang dan tidak hanya memfokuskan kepada pasaran saham Amerika Syarikat.

Sektor Teknologi Maklumat akan terus diberikan tumpuan oleh Pengurus Pelaburan, ekoran jangkaan pembangunan dan penggunaan teknologi AI oleh perniagaan seluruh dunia akan lebih rancak. Ini akan terus meningkatkan hasil jualan syarikat-syarikat yang terlibat dengan rantaian bekalan berkaitan AI, terutamanya syarikat yang membangunkan perkhidmatan AI serta perisian untuk penggunaan oleh perniagaan. Selain itu, syarikat-syarikat semikonduktor di pasaran Asia seperti Korea Selatan dan Taiwan turut dijangkakan mendapat limpahan manfaat ekoran hasil peningkatan pesanan untuk penghasilan mikrochip sepanjang tahun 2024 dan untuk tahun-tahun yang mendatang.

Pengurus Pelaburan juga akan terus memberikan fokus terhadap sektor Industri Berat terutamanya di Eropah atas jangkaan peningkatan hasil jualan di seluruh dunia. Ini adalah berikutan keperluan kerajaan di seluruh dunia untuk mendorong perniagaan untuk mula melabur semula dalam industri berat di negara masing-masing bagi melindungi kepentingan rantaian bekalan dalam negara masing-masing.

Lanjutan jangkaan penyusutan US dolar dalam tahun 2024, Pengurus Pelaburan juga akan memberi tumpuan terhadap pelaburan di negara-negara membangun yang dijangka akan mendapat manfaat terus hasil daripada peningkatan nilai mata wang. Pengurus Pelaburan akan terus memberi tumpuan pada pasaran India ekoran tren mega manfaat peralihan dagangan daripada China. Selain itu, Pengurus Pelaburan akan terus melabur melalui ETF di negara-negara Amerika Latin seperti Mexico dan Brazil juga berikutan peralihan dagangan serta peningkatan nilai mata wang sepanjang tahun 2024.

## **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Pasaran Wang**

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai.

Mengambil kira sentimen para pelabur tentang berakhirnya kenaikan dasar monetari oleh bank-bank pusat seluruh dunia termasuk BNM bagi mengimbangi kadar pertumbuhan ekonomi, Tabung telah menyusun strategi yang bersifat lebih agresif. Durasi Tabung akan ditambah melalui instrumen sekuriti terbitan kerajaan jangka panjang. Ini dapat memastikan Tabung mendapat kenaikan nilai yang lebih tinggi daripada penurunan kadar hasil kerana jangkaan penurunan kadar hasil bon adalah berjajaran songsang dengan nilai harga sekuriti berpendapatan tetap yang dibeli. Selain itu, Tabung turut akan memberi fokus kepada bon korporat yang lebih berisiko dengan kadar hasil yang lebih tinggi dan berpatutan dan juga bon korporat yang berkualiti tinggi dan berisiko rendah. Ini adalah kerana Pengurus Pelaburan akan sentiasa memastikan risiko tambahan yang diambil adalah masih dalam kadar yang besesuaian dengan profil risiko Tabung.



Strategi pelaburan di dalam sekuriti kerajaan Malaysia, MGS dan GII lebih tertumpu kepada penjana keuntungan modal. Di samping itu, kadar hasil sekuriti kerajaan Malaysia turut dijangka akan turun seiring dengan kadar hasil pasaran bon dunia, sebaik sahaja Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) memulakan kempen memotong kadar hasil monetari. Bagi pasaran sekuriti pendapatan tetap antarabangsa, Tabung akan melakukan pelaburan agresif untuk menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada pelabur. Pengurus Pelaburan juga akan terus melabur di pasaran bon negara membangun ("Emerging Markets") seperti Indonesia dan Korea Selatan, dalam konteks pengukuhan kadar mata wang, berbanding US dolar.

Pelaburan dalam bon korporat akan tertumpu untuk menjana kupon yang lebih tinggi berbanding penanda aras – kadar simpanan tetap, dengan menyasarkan syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh Tabung. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

#### 4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

#### **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, berserta dengan nota-nota yang dikeipikan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2023, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada Unit Amanah, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 7 Februari 2024.

**RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD BIN  
RAJA TUN UDA**  
Pengurus

**AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON**  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

## 5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Dana Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

7 Februari 2024

## 6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN

### Laporan Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN IMBANG (MIXED ASSET BALANCED) 3 GLOBAL ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata untung atau rugi pada 31 Disember 2023, penyata pendapat komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 19 sehingga 53.

Pada pendapat kami, penyata kewangan bagi Unit Amanah tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS) dan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

### Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

